



KENYATAAN MEDIA MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA

MENTERI DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN TIDAK MENAJA KOS LARIAN RM4 JUTA DR. SUWAIBAH

Menteri Pertahanan, YB Mohamad bin Sabu dan Kementerian Pertahanan tidak pernah menaja kos RM4 juta yang diperlukan pelari solo, Dr. Suwaibah Muhammad Nasir.

Menteri Pertahanan hanya memberikan sokongan kepada usaha Dr. Suwaibah untuk misi menawan 30 menara tertinggi di dunia dan bersedia untuk menyokong usaha-usaha baik yang dilakukan oleh sesiapa sahaja.

Adalah tidak adil kepada mana-mana atlet menuduh sokongan kepada Dr. Suwaibah sebagai berat sebelah sekiranya mereka sendiri tidak pernah cuba untuk bertemu dan mendapatkan sokongan Kementerian Pertahanan dan Menteri Pertahanan.

- TAMAT -

**YB Mohamad bin Sabu
Menteri Pertahanan Malaysia**

11 Februari 2019